

PM puas hati hasil pertemuan dengan Pope di Vatican City'

Sama pendirian isu Palestin

UM - 0 JUN 2002

Daripada AZIZ ISHAK

VATICAN CITY 7 Jun — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan Pope John Paul II bertemu di sini hari ini dengan kedua-dua pemimpin menyatakan komitmen dan pendirian yang sama dalam beberapa permasalahan dunia termasuk perlunya pihak ketiga menangani isu Palestin.

Dalam pertemuan bersejarah itu, mereka juga sependapat bahawa perlu dicari punca sebenar keganasan dalam menyelesaikan masalah antarabangsa itu.

Pertemuan Perdana Menteri dengan pemimpin tertinggi Katolik itu berlangsung kira-kira setengah jam dalam suasana mesra sebelum disusuli perbincangan lebih meluas di peringkat delegasi kedua-dua negara.

Kerajaan Vatican City di bawah pemerintahan Pope yang mempunyai pengaruh besar di peringkat antarabangsa khususnya Barat sependapat dengan Malaysia dalam semua isu yang dibangkitkan oleh Dr. Mahathir termasuk soal Palestin.

Malah negara terkecil di dunia itu menyokong pandangan Malaysia tentang perlunya pihak ketiga memainkan peranan menamatkan penindasan Israel selain penempatan pasukan pengaman bagi memisahkan rakyat kedua-dua negara.

Berhasil

Perdana Menteri ketika ditemui oleh para wartawan selepas keluar daripada kompleks pentadbiran Vatican City berkata, beliau berpuas hati dengan pertemuan itu yang disifatkan sebagai berhasil.

"Kita sudah sampai di sini dan kemukakan pandangan kita termasuk isu Palestin seperti mana yang kita mahu. Pada umumnya, tidak ada perbezaan pendapat antara kedua-dua pihak dan bagi saya ia berhasil," katanya.

Kunjungan Dr. Mahathir ke atas Pope hari ini adalah atas undangan pemimpin tertinggi Katolik itu.

Menurut Perdana Menteri, pertemuan beliau dengan Pope berjalan dengan baik dan pemimpin Katolik itu banyak bertanya tentang Malaysia dan rantau Asia Tenggara.

"Saya dapat juga nyatakan tentang perkara yang saya hendak nyatakan iaitu

■ Lihat muka 4

M - 8 JUN 2002

Sama pendirian isu Palestin

keadaan dunia sekarang," tambah beliau.

Ditanya tentang reaksi daripada Pope, Dr. Mahathir berkata, pemerintah negara Roman Katolik itu tidak banyak bercakap kerana agak uzur. John Paul II kini berusia 82 tahun.

Bagaimanapun, kata Perdana Menteri, perbincangan substantif dan lebih meluas diadakan dengan Kardinal Angelo Sodano iaitu bertaraf Perdana Menteri dan beberapa pemimpin kanan Vatican iaitu badan tertinggi yang menjalankan tugas pentadbiran negara itu.

Perdana Menteri kemudian mengadakan pertemuan empat mata dengan Pope yang duduk di kerusi sepanjang pertemuan itu kerana uzur tetapi kelihatan ceria.

Selepas pertemuan itu, Dr. Mahathir memperkenalkan 12 anggota delegasi Malaysia yang melawat Vatican City kepada P o p e .

Antara mereka ialah isteri beliau Dr. Siti Hasmah; Menteri Tenaga, Komunikasi dan Multimedia, Datuk Amar Leo Moggie; Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Tan Sri Bernard Dompok; Duta Malaysia ke Itali, Datuk Shamsudin Abdullah dan Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Datuk Dr. Abdul Aziz Mohamad.

Turut diperkenalkan ialah Pengerusi Majlis Fatwa Kebangsaan, Datuk Dr. Ismail Ibrahim dan pendakwah bebas, Uthman Muhammadi.

Ini diikuti pertemuan dengan Kardinal Angelo Sodano dan Setiausaha Luar, Archbishop Jean Louis Tam-an.

Perdana Menteri kemudian dibawa melawat Sistine Chapel, tempat Cardinal melantik Pope yang dihiasai dengan ukiran dan lukisan silam Rom termasuk lukisan Michelangelo.

Pertemuan dengan Pope hari ini adalah usaha terbaru Dr. Mahathir dalam membantu rakyat Palestin menerusi gerakan diplomatik untuk melobi, mempengaruhi kuasa besar dan pemimpin agama lain.

Pada Mei lalu, beliau telah mengadakan pertemuan dengan Presiden Amerika Syarikat, George W. Bush selain menulis surat kepada para pemimpin negara-negara Eropah membangkitkan isu yang sama.

Dr. Mahathir merupakan ketua kerajaan Malaysia pertama mengadakan pertemuan dengan Pope.

Beberapa pemimpin negara Islam yang pernah menemui John Paul II ialah pemimpin Palestin, Yasser Arafat dan Raja Hussein dari Jordan.

John Paul II juga merupakan Pope yang pertama pernah menjejakkan kaki ke masjid ketika melawat Syria tidak lama dulu. —
Utusan

Selain isu menangani keganasan dan Palestin, delegasi kedua-dua negara membincangkan soal persefahaman dan toleransi agama termasuk di Malaysia.

Dalam hubungan ini, menurut Perdana Menteri, pihak Vatican menghargai dan berterima kasih kepada Malaysia kerana wujudnya kebebasan agama termasuk bagi penganut Katolik dan golongan minoriti yang lain.

Perdana Menteri turut ditanya oleh wartawan agensi berita asing mengenai apakah yang boleh dilakukan oleh negara Islam dalam menangani keganasan.

Beliau berkata, Islam tidak boleh dikaitkan dengan keganasan kerana dalam banyak keadaan termasuk di Palestin, umat Islam ditindas dan dinafikan hak mereka biarpun di tanah air sendiri.

Katanya, kebimbangan, kemarahan dan kekecewaan umat Islam di seluruh dunia harus dimengertikan terlebih dahulu oleh kuasa besar dan masyarakat antarabangsa supaya punca keganasan dapat diatasi.

Ditanya apakah beliau mempelawa Pope untuk melawat Malaysia berikutan lawatannya ini, Perdana Menteri berkata, beliau tidak berbuat demikian.

Mengenai kemungkinan Malaysia dan Vatican City menjalin hubungan diplomatik, katanya, perkara itu tidak ditimbulkan oleh Kerajaan Vatican tetapi mereka berharap hubungan antara kedua-dua negara dapat dipertingkatkan pada masa depan.

Kunjungan Dr. Mahathir hari ini bermula dengan sambutan oleh kawalan keselamatan Swiss Guard yang lengkap berpakaian istiadat pahlawan Rom zaman silam.

Perdana Menteri yang diiringi oleh isteri, Datin Seri Dr. Siti Hasmah Mohd. Ali kemudian dibawa ke perpustakaan Pope tempat pemimpin tertinggi Katolik itu menemui orang kenamaan.